

12 OCT 1996

Umno-Mahathir (Rizab)

TANAH RIZAB BUKAN TANDA KEBESARAN MELAYU, KATA DR MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 12 Okt (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini menegur sikap orang Melayu yang menganggap tanah Rizab Melayu sebagai tanda kebesaran dan ketuanan Melayu di negara ini.

Perdana Menteri berkata kewujudan tanah Rizab Melayu sebenarnya menunjukkan kelemahan orang Melayu dalam tanahairnya sendiri.

Menurutnya, walaupun tanah Rizab Melayu itu masih diperlukan, orang Melayu perlu berusaha untuk mengukuhkan ekonomi mereka agar setanding dengan bukan Melayu sehingga tidak memerlukan perlindungan seperti tanah Rizab Melayu.

"Saya tak nafi bahawa ia penting kerana kita masih belum begitu kuat dari segi ekonomi, sebab itu kita perlu ada Rizab Melayu.

"Tetapi kita jangan berbangga dengan Rizab Melayu. Ini bukan tanda ketuanan kita, ini bukan tanda kebesaran kita, ini sebenarnya merupakan satu tanda bahawa kita adalah bangsa yang lemah," katanya ketika menggulung perbahasan pada hari terakhir perhimpunan agung Umno di Pusat Dagangan Dunia Putra di sini.

Presiden Umno itu berkata apa yang penting ialah keupayaan orang Melayu dan bumiputera berusaha mengukuhkan ekonomi sehingga mampu membeli tanah di mana-mana, sama ada di dalam atau di luar Rizab Melayu.

"Hari ini kita sudah dapat sedikit-sebanyak kemampuan itu kerana kita dapati orang Melayu yang berjaya dalam bidang ekonomi telah dapat membeli harta orang bukan Melayu.

"Apabila kita sudah maju ke satu tahap yang nilai tanah dalam Rizab Melayu meningkat dengan begitu tinggi kerana ada orang Melayu yang mampu membelinya, pada ketika itu kita tidak perlu lagi kepada Rizab Melayu.

"Jangan kita mempunyai sentimen yang terlalu kuat kepada Rizab Melayu ini. Ia bukan menjadikan kita mulia, ia menghinakan kita dalam negara kita," katanya.

Sambil merujuk kepada tanah rizab kaum asli "Red Indian" yang masih wujud di Amerika, Dr Mahathir berkata rizab itu bukan bermakna "Red Indian" adalah tuan di negara itu tetapi lambang kedaifan mereka yang sekadar menjadi tumpuan pelancong.

"Kita tak hendak jadi Red Indian dalam negara kita sendiri," katanya.

Katanya, beliau berasa malu kerana di tengah-tengah bandaraya Kuala Lumpur terdapat Kampung Baru yang berkeadaan daif walaupun dikelilingi bangunan pencakar langit yang kerap dikunjungi pelancong.

"Kita tak hendak itu jadi satu ukuran pencapaian orang Melayu. sebenarnya orang Melayu yang mampu tidak tinggal di situ lagi. Mereka membeli tanah di luar tanah rizab," katanya.

Katanya, kerajaan mempunyai rancangan untuk membangunkan Kampung Baru tetapi tuan tanah hendaklah memberikan kerjasama.

"Sesetengah tuan tanah di situ sudah sanggup menjual dengan harga berpatutan tetapi majoriti tidak mahu menjual atau tidak boleh menjual kerana tuannya sudah hilang apabila berlaku kematian," katanya.

Bagaimanapun beliau berharap masalah itu dapat diatasi dengan kerjasama tuan tanah serta pengusaha Melayu dan bumiputera yang mampu membeli tanah di Kampung Baru dengan harga sederhana, "bukan terlalu tinggi dan bukan terlalu rendah."

"Sebenarnya mereka yang memiliki tanah di Kampung Baru itu boleh mendapat keuntungan 1,000 peratus lebih tinggi daripada harga belian mereka tetapi mereka hendak lebih daripada itu," katanya. -- BERNAMA

AZZ NMO